

**MENENGAH 1 EXP/NA**

**LATIHAN TOPIKAL 3**

**PENGIMBUHAN**

| Pengimbuhan | Markah Penuh | Markah Yang diperolehi | Tarikh |
|-------------|--------------|------------------------|--------|
| Latihan 1   | 10           |                        |        |
| Latihan 2   | 10           |                        |        |
| Latihan 3   | 10           |                        |        |
| Latihan 4   | 10           |                        |        |
| Latihan 5   | 10           |                        |        |

## LATIHAN 1

**Arahan:** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Setiap hari, beribu-ribu penumpang menaiki kereta api gerak cepat (MRT) untuk menuju ke destinasi masing-masing. Namun, tidak lama lagi, satu pembaharuan akan diperkenalkan. Penumpang-penumpang kereta api tidak lama lagi mungkin perlu melalui alat (1) kesan logam dan meletakkan barang-barang mereka melalui (2) imbas sinar-x. Langkah ini harus dilakukan sebelum mereka (3) benar memasuki gerbang tambang di stesen-stesen MRT. Penguasa Pengangkutan Darat (LTA) (4) jelas bahawa langkah itu perlu bagi (5) pasti keselamatan semua penumpang. Meskipun ini suatu tugas tambahan, para pegawai SMRT gembira kerana ini bakal meningkatkan tahap keselamatan di sana.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

## LATIHAN 2

**Arahan:** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Dunia kita semakin tua dan kian pupus - pepatah itu tidak asing lagi pada kita. Menyedari akan hakikat tersebut, pada April 2018, pihak berkuasa Australia telah (1) ikrar 500 juta dolar Australia untuk usaha (2) lindung Terumbu Sawar Besar atau The Great Barrier Reef. Terletak di penjuru Cape York, Terumbu Sawar Besar ialah sistem terumbu karang terbesar dunia yang merangkumi kawasan laut seluas 2,300 kilometer. Namun baru-baru ini, kawasan laut itu telah menjadi tercemar. Ramai (3) lancong kunjungi Terumbu Sawar Besar untuk menikmati (4) hidup laut di situ yang amat (5) takjub. Namun, ada dalam kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab dan telah membuang sampah sarap mereka ke dalam laut sehingga menjejaskan sistem eko di kawasan tersebut.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

### LATIHAN 3

**Arahan:** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Apabila kita melakukan kerja-kerja sukarela, kita bukan sahaja akan rasa senang. (1) turut satu kajian yang diterbitkan oleh jurnal BMC Public Health, ia juga boleh (2) lanjut usia kita! Para (3) kaji menemui bahawa para sukarelawan mempunyai kadar kemurungan yang rendah. Sebaliknya, mereka lebih mudah rasa puas hati dan hidup dengan lebih sejahtera. Kerja sukarela juga dipercayai amat bermanfaat bagi mereka yang sudah lanjut umur kerana ia (4) galak golongan tersebut bergiat aktif dan meluangkan lebih banyak masa di luar rumah. Satu kajian yang berasingan juga (5) dapat bahawa kerja-kerja kebajikan boleh mempertingkatkan kesihatan kardiovaskular seseorang.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

## LATIHAN 4

**Arahan:** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Beberapa tahun baru-baru ini, perkembangan teknologi semakin pesat. Salah satu teknologi terbaharu ialah dron yang telah (1) ubah gaya hidup para (2) gemar teknologi. Terdapat pelbagai jenis dron yang boleh didapati daripada pasaran masa kini. Harganya juga tidak terlalu mahal dan yang termurah boleh dibeli pada harga kurang \$500 sahaja! Dron boleh (3) guna untuk memetik gambar dan merakam video daripada sudut-sudut yang tinggi dan sukar dicapai. Namun, terdapat sesetengah pihak yang berpendapat bahawa penggunaan dron boleh (4) ganggu ketenteraman orang. Ini kerana, terdapat segelintir pengguna yang telah menyalahgunakan dron untuk membuat (5) rakam di tempat-tempat yang terlarang. Lantas, ini suatu kesalahan kerana ia mencerooboh keperibadian orang lain.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

## LATIHAN 5

**Arahan:** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Kerja rumah merupakan suatu tugas yang sepatutnya diusahakan bersama oleh kesemua ahli keluarga. Malah, usaha (1) didik kanak-kanak supaya mengemas tidak sepatutnya dipandang remeh. Meskipun perkara itu dianggap kecil, ia boleh membawa kesan yang ketara terhadap masa depan mereka. Menurut beberapa (2) kaji, kanak-kanak yang dididik (3) laku kerja rumah sejak kecil, menjadi insan yang lebih berdikari apabila dewasa. Selain itu, mereka juga akan (4) besar menjadi seorang yang bertanggungjawab dan tahu bagaimana untuk (5) urus masa dan menghargai apa yang mereka ada. Oleh itu, ibu bapa haruslah melatih anak-anak mereka sejak kecil bak kata pepatah melentur buluh rebung biar dari rebungunya.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_